

Press Release

Pa & Ma is the leading parenting magazine in Bahasa Malaysia. Covering all aspects of parenting, this magazine includes everything one needs to know about the joys of pregnancy, and what to expect after birth. The magazine also includes in-depth information on medical issue, relations and even fashion.



Media : PA & MA
 Date : May 2013
 Page : 94
 Published : Monthly
 Language : Bahasa Malaysia
 Circulation : 60,000 (Audited by ABC)

Category: Parenting Magazine
 Target: Parents & Mother to-be, 20 years old and above

INI ADIKPUNYA

120 MINIT SETIAP HARI ADALAH TEMPOH MASA BAYI ANDA MENANGIS SEPANJANG ENAM MINGGU SELEPAS MEREKA DILAHIRKAN. NAMUN SELEPAS 3 BULAN, WAKTU TANGISAN MEREKA AKAN BERKURANGAN SEDIKIT DEMI SEDIKIT.

ini adikpunya
 Minda anak yang cerdas dan fizikal yang cergas perlu sentiasa dirangsang oleh ibu bapa.

Susunan: Shaheina Azlin Abdullah

TwinkleTup mesra bayi

Tupperware telah melancarkan rangkaian produk bayi yang dikenali sebagai TwinkleTup. Ia merupakan produk bekas makanan dan minuman dengan warna ceria khusus untuk bayi berumur antara enam hingga 18 bulan dan 18 bulan hingga tiga tahun. TwinkleTup terdiri daripada Training Cup, Snack Cup, Hang on Spoon, Easy Grip Bowl, Cutlery Set dan Feeding Bbwl. Paling penting, TwinkleTup dihasilkan daripada food grade plastic yang mematuhi piawaian antarabangsa. Sama seperti barangan Tupperware yang lain, TwinkleTup turut memiliki jaminan sepanjang hayat, warna selamat, bebas BPA dan mesra bayi.



Kem bola sepak Johnson's baby di Mydin

Jenama produk penjagaan bayi terulung, Johnson's® baby, menganjurkan kempen JomMain tahun ini untuk menggalakkan kanak-kanak bermain dan berpeluh, namun kekal segar dan nyaman dengan Johnson's® baby Cooling Bath and Powder. Jom Main tahun ini dianjurkan sejajar dengan penajaan global Johnson & Johnson's untuk 2014 FIFA World Cup Brazil™.

Ia menumpukan kepada bola sepak serta aktiviti fizikal untuk menggalakkan kanak-kanak supaya berpeluh dengan riang dan sihat. Sempena pelancaran tersebut juga, jenama ini menjemput Jurulatih Pasukan Bola Sepak Malaysia, iaitu Datuk K.Rajagobal untuk berkongsi pandangannya tentang faedah permainan fizikal dan aktif.

Penyertaan dalam kem bola sepak ini terhad kepada 200 orang kanak-kanak pertama yang mendaftar. Untuk maklumat lanjut bagaimana mendaftar dalam Kem Bola Sepak Jom Main Bola! Ini, anda bolehlah ke www.facebook.com/loveJohnsonsBaby.com.



Jom Ngaji dengan Upin Ipin

Mengaji Al-Quran tidak seperti dahulu lagi. Bagi anda yang inginkan kaedah interaktif untuk mengajar si kecil anda mengaji, Produk Jom Ngaji Upin Ipin yang dikeluarkan oleh AJV Velastar Berhad dengan kerjasama Les' Copaque sesuai untuk anda. Pakej lengkap yang mengandungi Intelligent Readpen, Juzuk Amma bertajwid, berwarna dan beraudio visual, buku ilmun cilik Juzuk 30, Buku Teknik Al-Badar (kaedah cepat mengaji Al-Quran), beg sandang Upin Ipin, penunjuk/penanda buku dan aksesori lain ini sangat menarik dan banyak kegunaannya. Anak-anak anda bukan sahaja boleh belajar mengaji bersama Upin Ipin, malah mengetahui makna-makna surah tersebut di samping belajar membaca doa dengan karektor kartun kegemaran ramai itu. Dengan Pakej Jom Ngaji ini juga, mereka dapat belajar banyak perbendaharaan kata bahasa Melayu, Inggeris dan Arab yang baru. Selain belajar mengaji dengan Upin Ipin, pakej ini juga turut menampilkan suara Tok Dalang, Opah dan Kak Ros. Pakej Jom Ngaji ini didedahkan sepenuhnya oleh Kumpulan Media Karangkraf dan telah berada di pasaran dengan harga RM399.

Press Release

Pa & Ma is the leading parenting magazine in Bahasa Malaysia. Covering all aspects of parenting, this magazine includes everything one needs to know about the joys of pregnancy, and what to expect after birth. The magazine also includes in-depth information on medical issues, relations and even fashion.



Media : PA & MA
 Date : May 2013
 Page : 147
 Published : Monthly
 Language : Bahasa Malaysia
 Circulation : 60,000 (Audited by ABC)

Category: Parenting Magazine
 Target: Parents & Mother to-be, 20 years old and above

Tupperware Brands memperkenalkan TwinkleTup

Tupperware Brands merupakan sebuah syarikat yang tidak asing lagi dengan keunikan hasil produknya telah mengambil langkah bijak dalam pendekatannya bersama para ibu untuk ke tahap seterusnya dengan memperkenalkan TwinkleTup, satu rangkaian produk inovatif yang baru untuk bayi dan kanak-kanak.

Uniknya, TwinkleTup merupakan peralatan minuman dan makanan yang direka dan dibangunkan dalam bentuk yang menarik, berwarna-warni dan direka khas untuk anak-anak anda yang berumur dalam lingkungan 6-18 bulan dan 18-36 bulan. Tidak lengkap sekiranya tidak mendapatkan keseluruhan rangkaian TwinkleTup yang terdiri daripada Twinkle Training Cup, Twinkle Snack Cup, Twinkle Easy Grip Bowl & Spoon, Twinkle Straw Tumbler, Twinkle Cutlery Set dan Twinkle Feeding Bowl.

Menurut Encik David Wong, Tupperware Brands Area Vice-President, & Managing Director, objektif utama TwinkleTup dihasilkan adalah sebagai alternatif demi melindungi, mendidik serta mempertingkatkan tahap pemikiran kanak-kanak dalam pelbagai peringkat perkembangan mereka. Tambahnya lagi, TwinkleTup tidak terhad kepada peralatan makanan dan minuman sahaja malah berfungsi sebagai alat mainan yang menyeronokkan serta dijadikan sebagai salah satu alat pembelajaran inovatif yang mampu membantu anak-anak anda dari segi keyakinan diri, kemahiran berfikir dan ketajaman kordinasi tangan-mata. Selain itu, TwinkleTup diperbuat daripada plastik yang berkualiti tinggi dan tahan lama untuk diturunkan kepada generasi seterusnya.

Selari dengan konsep produk Tupperware Brands, TwinkleTup adalah bebas BPA, menggunakan warna yang selamat dan mesra kanak-kanak. Para ibu tidak perlu ragu kerana TwinkleTup dibuat daripada plastik makanan berkualiti tinggi serta mematuhi piawaian antarabangsa dan mempunyai jaminan seumur hidup.

Untuk maklumat lanjut mengenai Tupperware Brands, sila layari :

tupperwarebrands.com.my atau <http://www.facebook.com/Tupperware.Brands.Malaysia.Singapore>



Twinkle Kidz Set
18 - 36 months



Twinkle Totz Set
6 - 18 months